



# Kenali TVET di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia



## Laluan Pendidikan TVET

Latihan kemahiran atau lebih dikenali sebagai Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan konsep pembelajaran kemahiran praktikal dan psikomotor. Kurikulum program merujuk piawaian pekerjaan di industri yang diiktiraf oleh Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.



Hala Tuju Lepasan SPM.

Pada hari ini, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berpeluang memilih destinasi pengajian pada peringkat pendidikan tertiar, antaranya termasuklah di universiti, politeknik, kolej, institusi pengajian tinggi atau pusat pendidikan. Untuk memastikan laluan akademik lebih terancang, pelajar perlu mencari maklumat awal tentang latar belakang kursus atau program yang ditawarkan oleh sesebuah institusi yang dipilih.

Selepas mendapat keputusan SPM, sudah pasti banyak persoalan yang bermain di fikiran pelajar untuk meneruskan pengajian. Antara persoalan tersebut termasuklah tentang peringkat pengajian, bidang pengkhususan, tempoh pengajian, yuran pengajian, permohonan biasiswa atau pinjaman dan fasiliti yang disediakan oleh pihak institusi. Pilihan peringkat pendidikan tinggi merupakan laluan kritikal dalam menentukan masa hadapan dan kerjaya pelajar.

Antara laluan untuk mengikuti pendidikan TVET termasuklah melalui kolej vokasional, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS). Terdapat empat ILKA yang boleh dipilih oleh pelajar untuk menyambung pengajian iaitu Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan, Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian dan Ma Amanah Rakyat (MARA). Seterusnya, pelajar boleh menyambung pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda, Ijazah sarjana dan doktor falsafah di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## Pendidikan ILJTM

Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) merupakan pusat pengajian di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Pada awalnya, institusi ini dikenali sebagai Latihan Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) yang ditubuhkan pada tahun 1967. Pada tahun 2000, JTR ditukar nama menjadi ILJTM. ILJTM merupakan satu daripada ILKA yang menawarkan program TVET berasaskan sektor industri kepada lepasan SPM. Antara program yang ditawarkan termasuklah peringkat sijil, diploma dan ijazah lanjutan. ILJTM mempunyai 33 cawangan di seluruh Semenanjung dan Borneo.

## Struktur Program


ILJTM menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Pelajar yang mendaftarkan diri ke dalam program ini turut disediakan kemudahan dengan kawalan keselamatan.

Di peringkat ini, ILJTM menawarkan 10 bidang utama, iaitu Teknologi Kimpalan, Pembuatan, Pengangkutan, Perbaikan Kejuruteraan, Elektronik, Penyelenggaraan Pesawat, Percetakan, Sivil, Pengeluaran Produk serta Teknologi dan Komunikasi (ICT).

ILJTM turut menawarkan program Latihan Perindustrian (ILP) juga menawarkan program SKM. Terdapat sebanyak 24 buah ILP di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pusat Latihan Perindustrian (ADTEC) pula menawarkan program SKM yang terdiri daripada lapan institut. Selain itu, Institut Teknikal Jepun-Malaysia pula menawarkan program DKM dan DLKM di Pulau Pinang.

## Metod Pengajaran

Metod pengajaran di ILJTM menggunakan pendekatan pembelajaran kemahiran yang menyediakan individu boleh berprestasi dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.



Pengeluaran produk.



Komposisi Latihan ILJTM.

Peringkat	Tahap	Teori	Amali	Tempoh
SKM	satu, dua dan tiga	30%	70%	dua tahun tiga bulan
DKM	empat	40%	60%	tiga tahun
DLKM	lima	50%	50%	dua tahun enam bulan

Komposisi Latihan ILJTM.

Pada peringkat SKM, proses pembelajaran berdasarkan 70 peratus kemahiran dan 30 peratus teori. Setiap pelajar dibekalkan dengan kelengkapan pelindungan diri untuk keselamatan semasa latihan amali. Bagi bidang Teknologi Elektrik, ILJTM telah menerima akreditasi berterusan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

## Yuran Pengajian

Yuran pengajian dan yuran asrama pada peringkat SKM adalah percuma kerana dibiaya sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Pelajar juga menerima elaun bulanan sebanyak RM100 melalui akaun bank peribadi pelajar. Pada peringkat DKM dan DLKM pula, yuran pengajian adalah sebanyak RM3,000 setahun. Pelajar diberi kemudahan Pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran yang diuruskan oleh ILJTM.

## Pelajar Orang Asli

Pada 8 Ogos 2020, KESUMA telah melancarkan Program "Go TVET Orang Asli" sebagai usaha untuk memberikan kelayakan pendidikan dan membantu meningkatkan pendapatan sedia ada. Sehingga tahun 2024, sebanyak 68 orang asli telah mendaftar untuk mengikuti pengajian SKM sepenuh masa di ILP Ipoh.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama JTM, Jabatan Kemajuan Orang Asli dengan (JAKOA), Jabatan Tenaga Kerja dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Dalam tahun 2017, ILP Pasir Gudang telah dipilih untuk memberikan latihan kepada 80 orang pelajar Orang Asli dalam bidang Minyak dan Gas di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, JAKOA. Pada 20 hingga 21 Mei 2023, ILP Ipoh menganjurkan Program TVET Insitu-Mudahnya Terbangkan Dron Eko-Pelancongan Orang Asli Tahun 2023 di Chalet Kampung Orang Asli Beswok, Sungai Siput, Perak. Sebanyak 12 orang peserta telah menyertai kursus pengendalian dron, penyuntingan video dan audio muzik.

### Permohonan Pelajar OKU

Sejak tahun 2007, ILJTM telah membuka permohonan kepada calon kategori orang kurang upaya (OKU). Hingga kini, sebanyak 450 orang pelajar OKU telah mendaftar dengan SKM dan DKM secara sepenuh masa.

Antara keistimewaan yang diberikan kepada pelajar OKU, termasuklah yuran pengajian dan yuran asrama yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Selain itu, elaun sara hidup sebanyak RM300 pula akan dikreditkan ke akaun bank pelajar pada setiap bulan. Garis panduan calon OKU boleh dirujuk melalui laman web rasmi JTM: <https://www.jtm.gov.my>.

### Permohonan Pelajar Tahfiz

Program TVET-Tahfiz dirasmikan dalam tahun 2019 untuk memberikan peluang kelayakan kemahiran kepada pelajar tahfiz. Program ini bermula dengan 20 orang pelajar tahfiz yang mengikuti kursus sepenuh masa di ILP Jitra, Kedah. Inisiatif ini kemudiannya dikembangkan kepada lebih 1,500 pusat tahfiz dan madrasah yang berdaftar. Program ini memberikan impak yang positif dan berjaya melahirkan lebih banyak huffaz profesional.

Terkini, pada 24 Jun 2024, sebanyak 21 orang pelajar Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah mengikuti kursus penyelenggaraan penyaman udara di ILP Kuala Terengganu. Sementara itu, pada 25 Jun 2024, sebanyak 13 orang pelajar Maahad Tahfiz Wal Qiraat Addin mengikuti Seminar TVET-Tahfiz di ADTEC Taiping, dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak. Di ILP Selandar, pada 5 Julai 2024, sebanyak 21 orang pelajar tahfiz telah menamatkan pengajian pada peringkat Sijil Teknologi Komputer.

### Majlis Konvokesyen

Pelaksanaan pemarkahan dan gred di ILJTM berasaskan sistem pemarkahan mengikut Sistem Kredit Kemahiran Malaysia. Keterampilan pelajar dinilai menggunakan standard akademik seperti di universiti, iaitu menggunakan sistem Purata Nilai Gred (GPA) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA). Pada setiap tahun, majlis konvokesyen diadakan sebagai tanda pengiktirafan kepada graduan yang berjaya mengharungi pelbagai rintangan dalam menuntut ilmu. 🎓



Majlis konvokesyen yang diadakan di Putrajaya.

Pengambilan kemasukan ke ILJTM dibuat dua kali setahun, iaitu pada Januari dan Jun. Untuk mengetahui perkara ini dengan lanjut, bolehlah menghubungi:

Jabatan Tenaga Manusia,  
Aras 6,  
Setia Perkasa 4,  
Kompleks Setia Perkasa,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Telefon: 03-88865555  
Faksimile: 03-88892417  
E-mel: [jtm@mohr.gov.my](mailto:jtm@mohr.gov.my)  
Facebook: Jabatan Tenaga Manusia